

### **3.0 PASUKAN UDARA GEOSPATIAL PLANMALAYSIA**

#### **3.1 Syarat Am**

- 3.1.1 Mempunyai pemahaman dan pengetahuan am mengenai peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan seperti CAAM serta JUPEM.
- 3.1.2 Kesihatan fizikal dan mental dalam keadaan yang baik.
- 3.1.3 Mengetahui spesifikasi dan kemampuan pesawat.
- 3.1.4 Mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk mengendalikan penerbangan Dron/*Unmanned Aerial Vehicle* (UAV).
- 3.1.5 Telah mendapat latihan teori *hands-on*, latihan teknikal di lapangan, dan taklimat yang disampaikan oleh pentauliah atau mana-mana pihak yang terlibat.
- 3.1.6 Perlu melibatkan diri dalam kursus-kursus berkaitan Dron/*Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) untuk menambah ilmu dan kemahiran penerbangan serta pengetahuan tentang prosedur dalam misi penerbangan dan prosedur penyelenggaraan.
- 3.1.7 Telah mendapatkan kelulusan dan lantikan sah dari Jabatan.

#### **3.2 Skop Tugas Pasukan Udara Geospacial**

- 3.2.1 Ketua Penyelaras Operasi
  - a) Ketua penyelaras bagi Pasukan Udara Geospacial;
  - b) Memastikan Pasukan Udara Geospacial sentiasa dalam keadaan bersiap sedia;
  - c) Memastikan peralatan lengkap, boleh digunakan dan disimpan dalam keadaan selamat dan berkunci;
  - d) Menyelarass Pasukan Udara Geospacial setelah mendapat persetujuan dan kelulusan daripada Penasihat (Pegarah Bahagian Maklumat Gunatanah Negara); dan
  - e) Memastikan penghasilan data adalah tepat dan berkualiti untuk digunakan.
- 3.2.2 Penyelaras Penerbangan Dron/*Unmanned Aerial Vehicle* (UAV)
  - a) Menyediakan perancangan penerbangan dan menyelaras persediaan dari segi data serta maklumat lokasi sebelum operasi;
  - b) Menyampaikan taklimat sebelum menjalankan operasi;
  - c) Memberi arahan selanjutnya kepada pasukan operasi; dan
  - d) Menyediakan laporan setelah selesai penerbangan Dron/*Unmanned Aerial Vehicle* (UAV).

- 3.2.3 Pasukan Operasi Penerbangan
  - a) Menjalankan tinjauan dan memeriksa tahap keselamatan lokasi sebelum dan selepas penerbangan daripada aspek cuaca, peralatan dan lain-lain;
  - b) Memastikan peralatan Dron/*Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) diselenggara mengikut jadual yang ditetapkan, berfungsi dengan baik, dipasang dengan selamat dan kemas;
  - c) Mengenal pasti lokasi bersesuaian untuk pemasangan *Base Station*; dan
  - d) Memantau keselamatan udara, darat dan persekitaran lokasi.
  
- 3.2.4 Penyelaras Pemprosesan Data
  - a) Menyediakan perancangan pemprosesan dan menyelaras persediaan dari segi data;
  - b) Menyampaikan taklimat sebelum menjalankan kerja-kerja pemprosesan;
  - c) Memberi arahan selanjutnya kepada pasukan pemprosesan; dan
  - d) Menyediakan laporan setelah selesai kerja-kerja pemprosesan.
  
- 3.2.5 Pasukan Pemprosesan Data
  - a) Melakukan pemindahan data daripada Dron/*Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) ke komputer selepas selesai operasi penerbangan;
  - b) Menjalankan analisis data menggunakan perisian yang berkaitan; dan
  - c) Menghasilkan data dalam bentuk Orthomosaic/orthophoto, *Digital Surface Model* (DSM)/*Digital Terrain Model* (DTM) dan 3D Data.

Rajah 2: Organisasi Pasukan Udara Geospasial PLANMalaysia

